

| |
|---|
| <input checked="" type="checkbox"/> Utusan Malaysia |
| <input type="checkbox"/> Mingguan Malaysia |
| Tarikh: 23/2/2011 |
| Hari: Rabu W/S: 31 |
| Ruangan: Sukan |

UUM tersungkur kepada juara bertahan

KUALA LUMPUR – Juara bertahan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mudah menumpaskan Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan sembilan wicket dalam pembukaan Kejujahan Kriket Twenty20 UKM di Bangi semalam.

Finalis musim lepas, University College of Technology & Innovation (UCTI) pula menumbangkan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan 47 larian di Bayuemas Oval. Satu lagi pertemuan di gelanggang sama menyaksikan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menang besar, 101 larian ke atas Universiti Multimedia (MMU).

"Kami mengharapkan laluan selesa sebelum beraksi dalam separuh akhir Jumaat ini dan siapapun lawan dalam babak berkenaan tidak merehabkan kami langsung," kata Pegawai Kanan Belia dan Sukan UKM, Fairus Shafie.

UCTI pula mungkin tertekan apa-



bila menentang UTM esok berpandukan angka tinggi skuad dari selatan Semenanjung itu.

Kekuatan UTM turut membimbangkan UiTM yang bakal bertemu hari ini di Bayuemas Oval. Pegawai Sukan UiTM, Che Nadia Samsudin berkata, skuadnya yang dibarisi

peMAIN tempatan tidak akan mudah terperangkap dengan UTM.

Keputusan

Universiti Kebangsaan Malaysia kalahkan Universiti Utara Malaysia dengan 9 wicket.

UUM 45 (16 over) Atiqur Rahman 15.

Faruq Hakim Azmi 4-9, Aliman

Ahmad 2-5, Haziq Zairudin 2-17.

UKM 46-1 (8.5 over) Shahrulnizam

Yusof 21, Adib Rahim kekal 20.

PeMAIN terbaik:

Faruq Hakim Azmi (UKM)



WAKIL Universiti Kebangsaan Malaysia, Adib Rahim melakukan pukulan sewaktu pertemuan dengan Universiti Utara Malaysia di UKM Oval, Bangi semalam.